



## SIARAN AKHBAR

### PEMBATALAN KE ATAS DIREKTIF MENGENAI BAYARAN MINIMA WANG PENDAHULUAN (*DOWNPAYMENT*) BAGI PINJAMAN/PEMBIAYAAN KENDERAAN BERMOTOR

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan bahawa direktif-direktif yang telah dikeluarkan pada bulan Disember 2004 dan Oktober 2006 kepada syarikat-syarikat kewangan yang menghendaki pelanggan untuk menjelaskan bayaran minima sebanyak 12.5% daripada harga kenderaan (yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri) sebagai wang pendahuluan (*downpayment*) bagi setiap pinjaman/pembiayaan kenderaan, telah dibatalkan pada 8 September 2015.
2. Sebagai salah satu komitmen berterusan AMBD untuk mengembangmajukan sektor kewangan yang kukuh dan progresif, AMBD telah menjalankan penelitian mengenai keperluan berterusan terhadap direktif berkenaan, dengan mengambilkira penambahbaikan terhadap infrastruktur kewangan Negara Brunei Darussalam dan juga notis-notis peraturan mengenai kredit yang baru-baru ini dikeluarkan seperti berikut: -
  - 2.1. Operasi Biro Kredit, yang sudah berfungsi sepenuhnya semenjak tahun 2012, boleh membantu syarikat-syarikat kewangan untuk menilai kedudukan kredit (*credit worthiness*) peminjam dengan lebih *prudent* (berhemat); dan
  - 2.2. Notis peraturan baru mengenai nisbah keseluruhan khidmat hutang atau *total debt service ratio* (TDSR) yang berkuatkuasa mulai pada 8 Jun 2015 adalah bertujuan untuk memastikan bahawa peminjam mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan bulanan setelah membayar hutang bulanan. Kaedah TDSR juga menggalakkan peminjam untuk menguruskan hutang mereka dengan lebih cekap. Oleh itu, notis TDSR itu secara tidak langsung mendokong salah satu objektif utama direktif *downpayment* awal tersebut, iaitu untuk menggalakkan peminjam membuat perancangan teliti sebelum menandatangani sebarang komitmen pinjaman/pembiayaan kenderaan.
3. Walaupun dengan pembatalan direktif di atas, syarikat-syarikat kewangan masih boleh menghendaki pelanggan untuk menjelaskan bayaran minima daripada harga kenderaan bagi tujuan *due diligence* terhadap risiko.
4. AMBD juga ingin menekankan bahawa tempoh maxima bagi pinjaman/pembiayaan kenderaan adalah masih dikekalkan pada tujuh (7) tahun.
5. Bagi maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi Unit Penyeliaan Perbankan, Jabatan Regulatori di talian 2382253.

#### Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 6 Rabiulawal 1437H 1437H/ 18 Disember 2015

Rujukan: AMBD/COMMS/3